

TEKS UCAPAN
YBRS PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
SEJIWA SIHAT 2025

21 JUN 2025 | SABTU | 11.00 PAGI
MASJID AR-RAUDHAH
SEKSYEN U10, PUNCAK PERDANA
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK PERDANA

Terima kasih Pengacara Majlis,



**ALHAMDULILLAH RABBIL 'ALAMIN
WASSOLATU WASSALAMU 'ALA ASYRAFIL
ANBIYA'I WAL MURSALIN
WA 'ALA ALIHI WA SAHBIHI AJMA'IN.**

YBrs. Profesor Dr. Norazmir Md Nor

Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar

UiTM Cawangan Selangor,

Saudara Muhammad Iman Zulkifli

YDP Majlis Perwakilan Pelajar

UiTM Cawangan Selangor sesi 2024/2025

Selaku Penganjur Program

YBrs. Dr. Saliana Sadi

Ketua Unit Kesihatan, Kampus Puncak Alam dan
Puncak Perdana

Selaku Penganjur Bersama

Saudari Liyana Hafizah Muhammad Ikbil

Selaku Pengarah Program

Barisan Rakan Kolaborasi;

- i. Pejabat Kesihatan Daerah Petaling
- ii. Masjid Ar-Raudhah Seksyen U10
- iii. Unit Psikologi dan Kaunseling

Barisan Majlis Perwakilan Pelajar dan Sekretariat
Majlis Perwakilan Pelajar

Para tetamu jemputan, tuan-tuan dan puan-puan,
warga UiTM Cawangan Selangor, mahasiswa
mahasiswi yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berkumpul bagi menjayakan **Program Sejiwa Sihat 2025**.
2. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua tetamu jemputan dan warga UiTM Cawangan Selangor yang hadir pada pagi ini.
3. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada **Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Cawangan Selangor sesi 2024/2025**, bersama rakan penganjur iaitu **Unit Kesihatan Kampus Puncak Perdana** atas

penganjuran program pada hari ini dengan melibatkan sinergi daripada pelbagai pihak.

4. Saya difahamkan, program ini juga telah mendapatkan kerjasama yang erat daripada Pejabat Kesihatan Daerah Petaling, Masjid Ar-Raudhah Seksyen U10, Unit Psikologi dan Kaunseling UiTM Kampus Puncak Perdana, Communication for Behavioural Impact (COMBI) dan Kelab Pembimbing Rakan Sebaya (PEERS) Kampus Puncak Perdana.

Hadirin sekalian,

5. Saya turut difahamkan, program ini menyasarkan penyertaan pelajar UiTM Kampus Puncak Perdana dan komuniti sekitar Masjid Ar-Raudhah sebagai satu usaha bersepadu yang bukan sekadar riadah atau aktiviti kesihatan biasa, tetapi

untuk menyemai nilai kesedaran, kepedulian dan kebersamaan antara warga universiti dan masyarakat sekeliling.

6. Konsep “Sejiwa” mencerminkan bahawa kita hidup dalam keterhubungan, saling mempengaruhi serta menyokong antara satu sama lain, dan bukan secara terasing.
7. Saya amat berbangga melihat pelbagai aktiviti yang dirancang secara holistik pada hari ini, antaranya *brisk walk* sambil mengutip sampah, seni terapi, dan pemeriksaan kesihatan percuma yang memberi tumpuan bukan sahaja kepada kesihatan jasmani, tetapi juga kesejahteraan emosi dan mental.
8. Langkah ini merupakan pendekatan progresif dalam menangani cabaran semasa seperti

tekanan hidup, gaya hidup tidak sihat, dan pencemaran alam sekitar.

9. Saya percaya bahawa melalui program seperti ini, kita bukan sahaja dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar, tetapi juga membina budaya sihat dan prihatin dalam komuniti kampus dan sekitarnya.

10. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang terlibat, sama ada secara langsung atau tidak langsung, atas kesungguhan dan komitmen yang telah dicurahkan sepanjang pelaksanaan program ini.

11. Semoga usaha kita hari ini menjadi benih yang terus subur dalam menjadikan komuniti kita lebih sihat, lebih harmoni dan lebih sejahtera.

Berjalan pagi di pinggir desa,
Tawa mesra terpancar indah.
Tubuh sihat hidup sejahtera,
Sepakat sejiwa capai faedah.

12. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya
dengan sukacitanya merasmikan **Program
Sejiwa Sihat 2025.**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**